



Salasilah DYMM Raja Perlis



Biodata DYMM Tuanku Raja Perlis



Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail

**D.K.P., D.K., S.S.P.J., D.K.M., D.M.N.,
D.K. (Perak), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan),
D.K.M.B. (Brunei), D.K. (Selangor), D.K. (Pahang),
D.K. II (Terengganu), S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T.,
Grand Order of King Tomislav (Croatia),
Grand Collier De L`Independence
(Grand Medal of the Independence) - Cambodia,
Grand Croix De L`Ordre (Royal Sash) - Cambodia,
Cavaliere Di Gran Croce Decorato Di Gran Cordone (Italy),
Qiladah Badr Al-Kubra (Arab Saudi),
Decoration of Omayad - The Finest Decoration (Syria),
Knight of the Royal Order of the Seraphim (Sweden),
Grand Cordon of the Order of the Sacred Treasure (Japan)**

Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail diputerakan di Bandar DiRaja Arau, Perlis pada 12 Jamadilawal 1362 bersamaan 17 Mei 1943. Baginda merupakan anakanda kedua dan putera sulung Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Al-Marhumah Tuanku Tengku Budriah Binti Al-Marhum Tengku Ismail.

Baginda menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Arau (sekarang Sekolah Kebangsaan Tengku Budriah) sehingga darjah dua sebelum berhijrah ke Pulau Pinang bagi meneruskan pendidikan rendah di Sekolah Rendah Wellesley mulai 5 Januari 1950. Baginda kemudiannya bertukar ke Sekolah Rendah Westland hingga akhir tahun 1955. Baginda memulakan pendidikan menengah di Penang Free School mulai 9 Januari 1956 dan kemudiannya menyambung pengajiannya sehingga ke tahun 1963 di Wellingborough Public School, England. Pada 30 Oktober 1960, ketika masih di alam persekolahan iaitu sewaktu Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong III, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dilantik menjadi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis.

Setelah tamat pendidikan menengah di England itu, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail terpilih mengikuti kursus Pegawai Kadet Tentera Darat di Akademi Tentera DiRaja Britian di Sandhurst, England. Baginda mengikuti kursus tersebut mulai 7 Januari 1964 sehingga 16 Disember 1965. Setelah tamat latihan di Sandhurst, England, baginda kembali ke Malaysia dan baginda telah ditauliah sebagai pegawai dalam Angkatan Tentera Malaysia dengan pangkat Leftenan Muda pada 12 Disember 1965 dan menyertai Kor Peninjau DiRaja yang sekarang dikenali sebagai Kor Armor DiRaja. Pertukaran masuk ke pasukan itu bermula di Regimen

Biodata DYMM Tuanku Raja Perlis

Kedua Peninjau yang bertempat di Kem Sungala, Port Dickson. Baginda pernah berkhidmat di Sabah dalam tahun 1966 dan juga di Sarawak pada tahun 1967. Dalam bulan Disember 1967 baginda dinaikkan ke pangkat Leftenan dan ditugaskan ke Pahang. Baginda menamatkan perkhidmatan ketenteraannya pada 31 Disember 1969 dengan pangkat Kapten, untuk memberi tumpuan kepada tanggungjawab baginda sebagai DYTM Raja Muda Perlis, serta mempelajari selok-belok pemerintahan negeri.

Pada 15 Februari 1967, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail telah melangsungkan perkahwinannya dengan Tuanku Tengku Fauziah Binti Tengku Abdul Rashid, D.K., S.S.P.J., S.P.M.P. D.M.N., D.K. (Kelantan), D.K. (Pahang) Grand Croix De L`Ordre (Royal Sash) - Cambodia, Knight of the Royal Order of the Seraphim (Sweden), The Order of the Sacred Treasure, Gold and Silver Star (Japan). Dengan perkahwinan itu Tuanku Tengku Fauziah bergelar Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis. Baginda berdua dikurniakan sepasang cahayamata iaitu Tuanku Syed Faizuddin

Putra (kini bergelar DYTM Tuanku Raja Muda Perlis) pada 30 Disember 1967 dan Sharifah Fazira (kini bergelar YAM Tengku Puteri Mahkota) pada 5 Jun 1973.

Pada tahun 1967 itu juga baginda dilantik buat pertama kalinya sebagai Pemangku Raja Perlis, iaitu semasa Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis dan Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis berangkat ke Amerika Syarikat dan Eropah. Baginda memangku takhta kerajaan Perlis dari 23 Jun 1967 hingga 24 Oktober 1967. Sebagai Raja Muda, baginda dan Raja Puan Muda telah mengadakan lawatan ke beberapa buah Negara seperti Perancis, Jerman, Denmark, Austria, Itali, Switzerland, Sepanyol, Greece, Belanda, Belgium, Morocco, Mesir, Saudi Arabia, Amerika Syarikat, Afrika Selatan dan Negara-negara ASEAN.

Pada 16 November 1970, baginda menyertai Pasukan Pertahanan Tempatan, iaitu Pasukan Simpanan Tentera Darat yang kini dikenali dengan Rejimen Askar Wataniah. Baginda ditauliahkan sebagai pegawai dengan pangkat Kapten. Pada 1

Oktober 1972, baginda dinaikkan pangkat sebagai Mejar. Berikutan dengan penyusunan semula Pasukan Simpanan Tentera Darat, baginda dinaikkan ke pangkat Kolonel dan dilantik sebagai Komander Rejimen 504 Askar Wataniah yang memerintah pasukan yang meliputi negeri Kedah dan Perlis. Apabila Rejimen 503 ditubuhkan di Kedah, Rejimen 504 di bawah pemerintahan baginda bermukas di Kem Bukit Keteri. Berikutan perlantikan baginda sebagai Raja Perlis, baginda telah dilantik sebagai Kolonel Yang Dipertua Kor Rejimen Renjer DiRaja pada 19 September 2000.

Baginda telah dimasyhurkan sebagai Raja Perlis yang ke-7 pada 17 April 2000 iaitu sehari selepas kemangkatan ayahanda baginda, Tuanku Syed Putra Jamalullail pada 16 April 2000. Istiadat Pertabalan baginda dan Tuanku Tengku Fauziah sebagai DYMM Raja Perlis dan DYMM Raja Perempuan Perlis telah diadakan pada 17 Mei 2001. Sepanjang memerintah sebagai Raja, baginda telah menyempurnakan majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri seperti Pembukaan Persidangan Dewan Undangan

Biodata DYMM Tuanku Raja Perlis

Negeri, perasmian bangunan-bangunan kerajaan, Sambutan Hari Kemerdekaan dan sebagainya.

Dalam bidang sukan dan rekreasi, golf, tenis dan bola sepak adalah sukan yang diminati baginda. Dalam bulan Mei 1971 baginda dilantik menjadi Yang Dipertua Kelab Golf Putra, iaitu jawatan yang disandang baginda sehingga tahun 2000. Selain itu, baginda juga menjadi Penaung Persatuan Pengadil-pengadil Bola Sepak Negeri Perlis tahun 1967. Baginda juga pernah menjawat jawatan Yang Dipertua Persatuan Bola Sepak Negeri Perlis selama 18 tahun.

Sebagai seorang Raja mesra rakyat, baginda mempunyai ciri peribadi yang disenangi rakyat dan mudah bergaul mesra. Baginda yakin pendidikan adalah asas kemajuan bangsa dan negara. Oleh sebab itu baginda berkenan menjadi pengerusi Yayasan Tuanku Syed Putra mulai 1986 - 2000. Melalui yayasan inilah baginda dapat membantu rakyat Perlis untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan tinggi di dalam dan di luar

negara. DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail juga telah dilantik sebagai Canselor Universiti Sains Malaysia mulai 18 April 2000. Istiadat pemasyhuran baginda sebagai Canselor ke-2 disempurnakan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia, Senator Tan Sri Musa Mohamad pada 27 Julai 2000 sempena Konvokesyen Ke-29 Universiti Sains Malaysia.

DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail juga amat mengambil berat dalam menegakkan syiar Islam, hal ini dapat dilakukan oleh baginda melalui kedudukannya yang mengetuai Majlis Agama Islam Negeri Perlis sehingga tahun 2000. Baginda sentiasa memastikan fahaman agama negeri adalah berasaskan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dalam menyempurnakan fahaman ini dan dakwah Islamiah, baginda sering mendapat nasihat dan pandangan para ulama negeri yang lebih arif. Baginda turut bercemar duli berangkat hadir ke majlis-majlis agama seperti Majlis Tilawah Al-Quran, Program Maal Hijrah, perasmian masjid, forum agama dan lain-lain lagi. Baginda juga sering berangkat menunaikan solat Jumaat

di serata masjid di Perlis. Baginda sekeluarga juga telah berangkat mengerjakan fardu Haji pada tahun 2000.

Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu Ke-191 (Khas) pada 12 Disember 2001 telah memilih DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XII. Perlantikan baginda dan DYMM Tuanku Tengku Fauziah sebagai Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berlangsung di Balairong Seri, Istana Negara Kuala Lumpur pada 13 Disember 2001 dalam istiadat penuh gilang gemilang yang disaksikan oleh semua Raja-raja Melayu, Yang Dipertua Negeri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, barisan jemaah menteri dan jemputan khas dari dalam dan luar Negara. Sepanjang pelantikan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong, baginda telah berkenan melantik DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail sebagai Pemangku Raja Perlis.

Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail meneraju takhta Negara di bawah kepimpinan dua Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir

Biodata DYMM Tuanku Raja Perlis

Mohamad (kini bergelar Tun), Perdana Menteri Malaysia Ke 4 dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi (kini bergelar Tun), Perdana Menteri Malaysia ke 5. Sistem demokrasi Raja Berperlembagaan menyaksikan peralihan tampuk kepimpinan berjalan lancar yang memberi impak kepada kepesatan kemajuan ekonomi dan pembangunan negara.

Sebagai Yang di-Pertuan Agong, baginda bersama-sama Raja Permaisuri Agong telah melaksanakan tugas-tugas rasmi di peringkat Persekutuan seperti menghadiri pembukaan rasmi sidang Parlimen Malaysia, menghadiri Sambutan Hari Kemerdekaan, menghadiri majlis-majlis sempena Sambutan Ulangtahun Hari Keputeraan SPB Yang di-Pertuan Agong dan berkenan menyampaikan pingat dan darjah kebesaran semasa Istiadat Pergurniaan Pingat Dan Darjah Kebesaran Sempena Ulangtahun Hari Keputeraan SPB Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara.

Baginda juga berkenan menyampaikan watikah pelantikan Yang Dipertua Negeri

bagi Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak, menghadiri majlis pelantikan dan mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri dan jemaah Menteri, menyampaikan watikah perantikan para Hakim, Ketua Polis Negara dan Panglima Angkatan Tentera. Selain itu, baginda berdua juga sentiasa berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Kerajaan atau Pembesar Luar Negara, Duta-duta dan Diplomat luar Negara yang akan memulakan tugas di Malaysia serta turut berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada Duta-duta atau perwakilan Malaysia yang akan berkhidmat di Kedutaan luar Negara.

Selain majlis-majlis rasmi kerajaan, baginda berdua juga turut bercemar duli berangkat ke majlis-majlis rasmi atau lawatan kerja anjuran kementerian, jabatan, badan-badan bukan kerajaan, pertubuhan kebajikan, sektor swasta dan institusi pengajian.

Selaku Ketua Agama Islam bagi Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak, baginda

memberi limpah perkenan kepada pengenalan konsep Islam Hadhari yang pertama kali diperkenalkan semasa pentadbiran YAB Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi (sekarang bergelar Tun). Baginda sering menyeru agar setiap umat Islam sentiasa bertoleransi dan patuh kepada ajaran agama selain menghormati agama kaum-kaum yang lain. Baginda sering mendekati diri dengan rakyat melalui keberangkatan menunaikan solat sunat hari raya dan solat Jumaat selain berangkat menghadiri majlis rasmi seperti Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan dan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa.

Selain perayaan yang disambut oleh umat Islam, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Tuanku Tengku Fauziah turut bercemar duli berangkat ke Majlis Sambutan Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Hari Krismas, Hari Gawai Dayak dan Hari Tadau Keamatan.

Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail juga merupakan pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia. Dalam tempoh ini,

Biodata DYMM Tuanku Raja Perlis

Angkatan Tentera Malaysia telah melaksanakan pelbagai tugas dan tanggungjawab dalam menjaga keamanan Negara selain turut terlibat dalam misi keamanan dan kemanusiaan di luar Negara di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Sesungguhnya perkara ini amat membanggakan baginda apabila pasukan keselamatan Negara menerima pengiktirafan antarabangsa dalam membantu mengekalkan keamanan dan kemakmuran masyarakat sedunia. Kenangan paling manis baginda dalam angkatan tentera semasa menjadi Yang di-Pertuan Agong adalah semasa baginda berangkat selaku wakil kepada Ratu Elizabeth Ke II ke Perbarisan Tamat Latihan pegawai kadet Akademi Tentera Diraja, Sandhurst, England iaitu tempat di mana baginda menerima latihan ketenteraan pada tahun 1964.

Semasa pemerintahan baginda juga Program Khidmat Negara diperkenalkan untuk remaja yang mencapai umur 18 tahun bagi melahirkan pelapis Negara yang berdisiplin, berwawasan, bekerjasama dan saling hormat menghormati antara satu

sama lain tanpa mengira bangsa dan agama.

Di dalam bidang pengajian tinggi, baginda telah dimasyhurkan sebagai Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 7 Mac 2002. Menurut baginda kekuatan sesuatu bangsa dan agama perlu disertakan dengan kekuatan ilmu dan kemahiran kerana bangsa yang menguasai ilmu dan kemahiran sahaja yang dapat menentukan kekuatan dan kedaulatan sesebuah Negara.

Yayasan Tuanku Syed Sirajuddin telah ditubuhkan pada 14 Februari 2004 atas naungan Tuanku Syed Sirajuddin sendiri yang berhasrat membantu rakyat Malaysia yang kurang berkemampuan tidak mengira agama dan bangsa dalam bentuk kewangan ataupun bantuan fizikal. Selain itu, yayasan ini juga membantu atau memulakan projek-projek komuniti untuk mereka yang memerlukan pemulihan sosial ataupun kebajikan.

Bagi merapatkan hubungan dengan Negara-negara serantau dan seantero

dunia, baginda berdua telah berangkat mengadakan lawatan ke Negara-negara seperti Brunei, China, Perancis, Russia, Kazakhstan, Itali, Jepun, Jordan dan lain-lain lagi.

Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Tuanku Tengku Fauziah menamatkan tempoh pemerintahan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XII dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada 12 Disember 2006 dan kembali meneraju takhta negeri Perlis sebagai Raja Perlis dan Raja Perempuan Perlis yang ke 7. Istiadat menyambut keberangkatan balik baginda berdua berlangsung dalam upacara penuh istiadat dan tradisi Melayu di Istana Arau, Perlis.

Daulat Tuanku ! Dirgahayu Tuanku !






Menelusuri DYMM Tuanku Raja Perlis



Menelusuri DYMM Tuanku Raja Perlis



Menelusuri DYMM Tuanku Raja Perlis



Menelusuri DYMM Tuanku Raja Perlis



Kerabat DiRaja Perlis



DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail & DYMM Tuanku Tengku Fauziah
Bersama Al-Marhumah Bonda Serta Kekanda & Adinda

Kerabat DiRaja Perlis



DYMM Tuanku Raja Perlis & DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis
Bersama Anakanda Serta Cucuanda